

BERITA HARIAN

DATE: 30 / 10 / 2007

Majlis Peguam mesti utama negara: PM

Oleh Anwar Hussain

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi menggesa Majlis Peguam supaya mengambil kira kepentingan negara dalam membuat keputusan atau pendirian berhubung sebarang isu dan bukan untuk kepentingan kumpulan pendesak atau segelintir ahlinya.

Perdana Menteri mengambil contoh sokongan rasmi Majlis Peguam terhadap penghakiman yang dipertikaikan atau mengemukakan pandangan bahawa Malaysia adalah negara sekular yang seharusnya mengambil kira kepentingan semua pihak, bukan sekadar mewakili pandangan sesetengah masyarakat.

"Sebagai badan berpengaruh, Majlis Peguam bertanggungjawab sama seperti kerajaan dan sebarang keputusan yang diambil mesti berdasarkan kepentingan semua pihak, bukan untuk kumpulan pendesak dalam atau segelintir ahli, tetapi

lebih kepada kepentingan negara.

"Sebarang kesilapan boleh menimbulkan jurang antara kumpulan berlainan di negara ini dan ini akan menyebabkan Majlis Peguam dituduh menyebabkan kemudaratan besar kepada majlis dan negara," katanya dalam ucapamannya pada Persidangan Undang-Undang Malaysia ke-14 di sini, malam tadi.

Menyentuh perarakan kira-kira 2,000 peguam di Putrajaya, September lalu, Abdullah berkata, demonstrasi itu memberi gambaran bukan saja di dalam negara, malah di peringkat antarabangsa, bahawa masalah sudah sampai ke kemuncak, walaupun realitinya tidak sehingga tahap itu.

Abdullah berkata, perkara seperti itu juga memberi suasana negatif yang tidak formal kepada pelabur tempatan dan asing, melemahkan usaha sektor industri dan kerajaan dalam menarik pelaburan dan seterusnya mewujudkan dan menyediakan peluang ekonomi baru.

BH - 30/10/2007

"Masa depan negara bergantung kepada antara lain kestabilan politik dan keamanan sosial yang dipulihara sejak beberapa tahun, dan pengwujudan persepsi negatif akan memberi mesej tidak baik kepada pelabur di dalam dan luar negara, selain memperkecilkan usaha industri dan kerajaan menarik pelabur dan mewujudkan peluang ekonomi dan pekerjaan baru.

"Kerajaan mengambil kira pandangan Majlis Peguam secara serius dan seperti juga majlis, kerajaan percaya kepada kebebasan kehakiman, begitu juga dalam menegakkan Perlembagaan, memperbaiki perkhidmatan kehakiman, membasmi rasuah dan meningkatkan pencapaian sektor awam yang sentiasa menjadi keutamaan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau sentiasa mencuba menjalankan tugas dengan perasaan rendah diri dengan kesedaran tanpa kompromi untuk masa depan negara.

"Kita perlu sentiasa mengambil kira bahawa sebarang perbalahan dan

perbezaan pendapat boleh diselesaikan dengan banyak cara dan cara paling berkesan adalah dengan bekerjasama secara ikhlas tanpa sebarang prasyarat, selain tidak timbul sebarang prasangka antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata, sebarang tuntutan, kritikan, pendapat dan dakwaan dibuat secara berhati-hati dengan mengambil kira realiti masa kini, serta memahami dan menerima kepentingan negara.

Sambil menegaskan bahawa kerajaannya sedia menerima kritikan, Perdana Menteri berkata, pendirian itu kerana kerajaan mengiktiraf peranan dan sumbangan sektor awam untuk mencapai matlamat pelan pembangunan negara.

"Oleh kerana pengiktirafan dan keterbukaan kerajaan inilah, pelbagai isu dibincangkan secara terbuka di media massa. Saya tidak setuju dengan pandangan yang menyatakan kerajaan tidak mementingkan pendapat umum," katanya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION